



Firefly jangka penumpang santai bertambah



● Angelina (kiri) bersama Pengarah Urusan AGS, Tan Cheng Hooi pada majlis pelancaran Kad AGS-Firefly di Shah Alam, semalam.

SYARIKAT penerbangan komuniti, Firefly menjangkakan bilangan penumpang santainya meningkat apabila mengadakan kerjasama dengan Advantage Golfing Solution Sdn Bhd bagi memperkenalkan kad keahlian Golf AGS-Firefly.

Ketua Pemasaran dan Komunikasi Firefly, Angelina Fernandez berkata, AGS mempunyai keahlian lebih 11,000 orang dan 6,000 daripadanya adalah ahli aktif.

Menurutnya, bilangan itu menunjukkan potensi kepada banyak laluan domestik dan serantau Firefly turut menghubungkan lokasi golf terkenal.

"Secara tidak langsung, ia mempromosikan pakej pelancongan Firefly yang menawarkan aktiviti bermain golf di beberapa destinasi.

"Sebanyak 70 peratus adalah penumpang perniagaan dan kerjasama ini dapat meningkatkan lebih ramai penumpang untuk tujuan santai," katanya kepada

Sinar Harian, semalam.

Menurutnya, antara laluan Firefly yang menyediakan pakej berkenaan seperti Terengganu, Kuantan, Medan, Batam, Koh Samui dan Phuket.

Kad AGS-Firefly menawarkan kemudahan yang lebih selesa bagi pemain golf dengan pilihan hampir 50 kelab dan resort di seluruh negara.

Angelina berkata, tawaran tersebut turut merangkumi pusingan tanpa had dengan diskaun sepanjang tahun.

"Kami juga memberikan diskaun bagi caj pengendalian bagasi golf dan kemungkinan dikecualikan bagi rombongan besar.

"Bagaimanapun, rancangan tersebut masih dalam perbincangan dan akan dilaksanakan dalam waktu terdekat," katanya.

Setakat ini, kadar purata bilangan penumpang Firefly bagi laluan domestik adalah 75 peratus, manakala 65 peratus bagi laluan antarabangsa.